



**Fakulti Pendidikan, Bahasa dan Komunikasi**

**Metafora Konseptual Dalam Bahasa Halus Masyarakat Iban Sebuyau,  
Sarawak**

**Clinton anak Ringit**

**Sarjana Sastera  
2024**

Metafora Konseptual Dalam Bahasa Halus Masyarakat Iban Sebuyau,  
Sarawak

Clinton anak Ringit

Tesis ini dikemukakan

Bagi memenuhi keperluan untuk Ijazah Sarjana Sastera

(Linguistik)

Fakulti Pendidikan, Bahasa dan Komunikasi

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2024

## PERAKUAN

Saya mengaku bahawa hasil kerja tesis ini dijalankan mengikut peraturan Universiti Malaysia Sarawak. Kecuali di mana pengakuan sewajarnya dibuat, hasil kerja ini dilakukan oleh penulis sahaja. Tesis ini tidak pernah diterima untuk sebarang ijazah dan tidak diserahkan secara serentak bagi sebarang ijazah yang lain.



.....  
Tandatangan

Nama : Clinton anak Ringit

No. Matrik : 18020153

Fakulti Pendidikan, Bahasa dan Komunikasi

Universiti Malaysia Sarawak

Tarikh : 07 April 2024

## PENGHARGAAN

Terima kasih diucapkan kepada pihak yang terlibat secara atau tidak langsung dalam menyempurnakan kajian ini. Tidak dilupakan juga kepada ibu bapa saya, iaitu Ringit anak Sebelai dan Uchin anak Ngaoh kerana sentiasa memberi dorongan yang positif semasa saya menjalankan kajian ini.

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada penyelia saya di Universiti Malaysia Sarawak, iaitu Dr. Hamidah binti Abdul Wahab dan Dr. Remmy anak Gedat atas segala tunjuk ajar, nasihat dan bimbingan dengan sepenuh hati mereka sepanjang kajian ini. Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada *Centre for Graduate Studies* kerana memberi nasihat dan sokongan dalam tempoh pengajian ini di Universiti Malaysia Sarawak.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak pengurusan Universiti Malaysia Sarawak kerana membantu dalam menyempurnakan pengajian saya di menara gading ini.

## ABSTRAK

Bahasa merupakan elemen yang sangat penting untuk melancarkan proses penyampaian maklumat kepada seseorang. Salah satu variasi bahasa yang semakin jarang dituturkan ialah bahasa halus. Bahasa halus merupakan fenomena berbahasa yang menjadi medium untuk menyampaikan sesuatu mesej secara tersirat. Penyelidikan ini dijalankan untuk mengenal pasti bahasa halus seperti perkataan atau frasa berlandaskan kerangka pengkategorian eufemisme saranan Allan dan Burridge (1991) yang terdapat dalam ujaran masyarakat Iban Sebuyau, Sarawak. Selain itu, penulisan ini menerapkan pendekatan metafora konseptual (Lakoff & Johnson, 1980) untuk menganalisis unit kata atau frasa bagi setiap domain bahasa halus tersebut. Metafora konseptual berperanan untuk membentuk pemahaman bagi domain yang abstrak kepada domain yang lebih konkrit. Metafora konseptual pula berbentuk satu set pemetaan yang mengandungi domain sumber dan domain sasaran. Kajian ini turut menganalisis hubungan budaya dengan bahasa halus masyarakat Iban Sebuyau berpandukan pendekatan Antropologi Budaya oleh Keesing (1981). Kajian ini menerapkan kaedah kualitatif, iaitu melalui temu bual berstruktur untuk mendapatkan data melibatkan 10 orang informan perempuan dan 10 orang informan lelaki. Hasilnya, kajian ini memperoleh 20 data melalui empat domain, iaitu domain ketakutan, kematian, kepercayaan, dan kejantinaan. Dapatan kajian menunjukkan data bahasa halus Iban Sebuyau berkait rapat dengan kerangka metafora konseptual seperti metafora orientasi, metafora ontologi dan metafora struktural. Pendekatan metafora konseptual yang disarankan oleh Lakoff dan Johnson (1980) menunjukkan data bahasa halus masyarakat Iban Sebuyau mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan pengalaman dan kepercayaan masyarakat Iban. Hubungan bahasa halus dengan konteks budaya masyarakat Iban Sebuyau juga menunjukkan sistem kepercayaan dan menghormati alam lain amat dititikberatkan dalam setiap tutur kata.

**Kata kunci:** Bahasa halus, Iban Sebuyau, metafora konseptual, budaya, semantik kognitif

## *Conceptual Metaphors in the Euphemism of the Iban Sebuyau Community, Sarawak*

### **ABSTRACT**

*Language is a very significant element to facilitate the process of conveying information to someone. One of the language variations that is rarely spoken is the subtle language. Subtle language is a language phenomenon that becomes a medium to convey a message implicitly. This research is conducted to identify the subtle language such as words or phrase found in the utterances of the Iban community of Sebuyau, Sarawak based on Allan and Burridge's (1991) suggestions on framework of categorising euphemism. In addition, this paper applies the conceptual metaphor approach (Lakoff & Johnson, 1980) to analyse the word or phrase units for each of the subtle language domains. The conceptual metaphor plays a role in interpreting the abstract domain to a more concrete domain. The conceptual metaphor comprises a set of mappings containing the source domain and the target domain. This study also analysed the correlation between culture and the subtle language of the Iban Sebuyau community based on Keesing's (1970) Cultural Anthropology theory. This study applies qualitative method through structured interviews to obtain data through 10 female and 10 male informants. As a result, this study obtained 20 data through four domains, namely the domains of fear, death, trust, and masculinity. The results of the study showed that the data of the subtle language is closely linked to the framework of conceptual metaphors such as orientation metaphor, ontological metaphor and structural metaphor. The conceptual metaphor approach suggested by Lakoff and Johnson (1980) shows that the subtle language of the Iban Sebuyau community is highly correlated with the beliefs of the Iban community. The relationship between subtle language and cultural context of Iban Sebuyau community indicates that the belief system and respect for other nature are highly emphasised in every word.*

**Keywords:** *Euphemisms, Iban Sebuyau, conceptual metaphors, culture, cognitive semantics*



## SENARAI KANDUNGAN

	<b>Muka Surat</b>
<b>PERAKUAN</b>	i
<b>PENGHARGAAN</b>	ii
<b>ABSTRAK</b>	iii
<i>ABSTRACT</i>	v
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xiv
<b>SENARAI RAJAH</b>	xv
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xvii
<b>BAB 1:           PENGENALAN</b>	1
1.1     Pendahuluan	1
1.2     Latar Belakang Kajian	1
1.3     Pernyataan Masalah	2
1.4     Objektif Kajian	5
1.5     Persoalan Kajian	6
1.6     Justifikasi Pemilihan Bahasa Halus, Daerah Sebuyau serta Metafora Konseptual dan Pendekatan Budaya Antropologi	6
1.6.1   Justifikasi Pemilihan Bahasa Halus	6

1.6.2	Justifikasi Pemilihan Daerah Sebuyau	7
1.6.3	Justifikasi Pemilihan Metafora Konseptual dan Pendekatan Budaya Antropologi	9
1.7	Kepentingan Kajian	11
1.8	Takrifan Konsep	12
1.8.1	Iban	12
1.8.2	Bahasa Halus	13
1.8.3	Metafora	14
1.8.4	Metafora Konseptual	15
1.8.5	Domain	16
1.8.6	Budaya	17
1.9	Batasan Kajian	18
1.10	Kesimpulan	18
<b>BAB 2:</b>	<b>SOROTAN KAJIAN</b>	19
2.1	Pendahuluan	19
2.2	Kajian Bahasa Halus di Malaysia	19
2.3	Kajian Bahasa Halus di Luar Negara	27
2.4	Kajian Lepas Penerapan Kerangka Metafora Konseptual	34
2.5	Kajian Bahasa dan Budaya Masyarakat Pribumi	40
2.6	Ulasan Kritis Kajian Lepas	44

2.7	Kesimpulan	49
<b>BAB 3:</b>	<b>METODOLOGI</b>	<b>50</b>
3.1	Pendahuluan	50
3.2	Data Penyelidikan	50
3.3	Kaedah Pengumpulan Data	51
3.3.1	Mengadakan Konseptualisasi Kajian	52
3.3.2	Menentukan Kawasan Kajian	52
3.3.3	Mendapatkan Maklumat Latar	53
3.3.4	Memasuki Kawasan Kajian	53
3.3.5	Memilih Informan	54
3.3.6	Mengumpul Data Bahasa Halus	55
3.4	Tatacara Analisis Data	57
3.5	Kerangka Teori	59
3.5.1	Metafora Orientasi	64
3.5.2	Metafora Ontologi	65
3.5.3	Metafora Struktural	65
3.5.4	Kerangka Pengkategorian Eufemisme	66
3.5.5	Pendekatan Antropologi Budaya	67
3.6	Ringkasan Kaedah Kajian	68
3.7	Kesimpulan	69

<b>BAB 4:</b>	<b>DAPATAN DAN PERBINCANGAN</b>	70
4.1	Pendahuluan	70
4.2	Data-Data Bahasa Halus Masyarakat Iban Sebuyau	70
4.2.1	Data Bahasa Halus Domain Ketakutan	71
4.2.1.1	<i>Akar Kayu'</i>	72
4.2.1.2	<i>Aki'</i>	73
4.2.1.3	<i>Bisi' Orang</i>	75
4.2.1.4	<i>Jelu Sungkur</i>	76
4.2.1.5	<i>Utai Terebai</i>	77
4.2.2	Data Bahasa Halus Domain Kematian	78
4.2.2.1	<i>Abih Umur</i>	80
4.2.2.2	<i>Alah Nyawa</i>	81
4.2.2.3	<i>Mutuih Seput</i>	81
4.2.2.4	<i>Udah Nadai</i>	82
4.2.2.5	<i>Perau'</i>	83
4.2.3	Data Bahasa Halus Domain Kepercayaan	84
4.2.3.1	<i>Enda' Lantang</i>	85
4.2.3.2	<i>Igi' Putih</i>	86
4.2.3.3	<i>Matah Lengan</i>	86
4.2.3.4	<i>Pimpin</i>	87

4.2.3.5	<i>Rumah Sekut</i>	88
4.2.4	Data Bahasa Halus Domain Kejantinaan	88
4.2.4.1	<i>Beganti</i>	89
4.2.4.2	<i>Betubuh Bisi'</i>	90
4.2.4.3	<i>Betubuh Dua</i>	91
4.2.4.4	<i>Bungai Layu'</i>	91
4.2.4.5	<i>Rumbau</i>	92
4.3	Metafora Konseptual Dalam Bahasa Halus Masyarakat Iban Sebuyau	92
4.3.1	Metafora Konseptual Dalam Bahasa Halus Domain Ketakutan	92
4.3.1.1	<i>Akar Kayu'</i> - ULAR ITU AKAR KAYU'	93
4.3.1.2	<i>Aki'</i> - BUAYA ADALAH AKI'	95
4.3.1.3	<i>Bisi' Orang</i> – ADA HANTU ADALAH BISI' ORANG	98
4.3.1.4	<i>Jelu Sungkur</i> - KHINZIR ADALAH JELU SUNGKUR	101
4.3.1.5	<i>Utai Terebai</i> - PULUNG ADALAH UTAI TEREBAI	103
4.3.2	Metafora Konseptual Dalam Bahasa Halus Domain Kematian	106
4.3.2.1	<i>Abih Umur</i> - KEMATIAN ADALAH ABIH UMUR	106
4.3.2.2	<i>Alah Nyawa</i> - MATI ADALAH ALAH NYAWA	109
4.3.2.3	<i>Mutuih Seput</i> - MATI ADALAH MUTUIH SEPUT	112
4.3.2.4	<i>Udah Nadai</i> - KEMATIAN ADALAH UDAH NADAI	115
4.3.2.5	<i>Perau'</i> - KERANDA ADALAH PERAU'	118

4.3.3	Metafora Konseptual Dalam Bahasa Halus Domain Kepercayaan	121
4.3.3.1	<i>Enda' Lantang</i> - MIMPI BURUK ADALAH ENDA' LANTANG	121
4.3.3.2	<i>Igi' Putih</i> - NASI ADALAH IGI' PUTIH	124
4.3.3.3	<i>Matah Lengan</i> - MAKAN ADALAH MATAH LENGAN	127
4.3.3.4	<i>Pimpin</i> - NASIB BURUK ADALAH PIMPIN	129
4.3.3.5	<i>Rumah Sekut</i> - MIMPI BURUK ADALAH RUMAH SEKUT	132
4.3.4	Metafora Konseptual Dalam Bahasa Halus Domain Kejantinaan	135
4.3.4.1	<i>Beganti</i> – BERSUAMI/BERISTERI BARU ADALAH BEGANTI	136
4.3.4.2	<i>Betubuh Bisi'</i> - MENGANDUNG ADALAH BETUBUH BISI'	138
4.3.4.3	<i>Betubuh Dua</i> - HAMIL ADALAH BETUBUH DUA	141
4.3.4.4	<i>Bungai Layu'</i> - PEREMPUAN SUNDAL ADALAH BUNGAI LAYU'	144
4.3.4.5	<i>Rumbau</i> - TIADA ANAK ADALAH RUMBAU	146
4.4	Hubungan Bahasa Halus dengan Konteks Budaya Iban Sebuyau	149
4.4.1	Sistem Kepercayaan Iban Sebuyau	150
4.4.2	Kiasan Bahasa Halus Iban Sebuyau	153
4.4.3	Etika dan Moral Masyarakat Iban Sebuyau	156
4.5	Kesimpulan	160
<b>BAB 5:</b>	<b>KESIMPULAN</b>	161
5.1	Pendahuluan	161
5.2	Rumusan Kajian	161

5.3	Implikasi Kajian	163
5.4	Cadangan Kajian	165
5.5	Kesimpulan	166
	<b>RUJUKAN</b>	167
	<b>LAMPIRAN</b>	176

## SENARAI JADUAL

		<b>Muka surat</b>
Jadual 4.1	Data bahasa halus domain MIS ketakutan	71
Jadual 4.2	Data bahasa halus domain MIS kematian	79
Jadual 4.3	Data bahasa halus domain MIS kepercayaan	84
Jadual 4.4	Data bahasa halus domain MIS kejantinaan	89



## SENARAI RAJAH

		<b>Muka surat</b>
Rajah 1.1	Peta daerah Sebuyau, Sarawak	8
Rajah 3.1	Pemetaan domain	60
Rajah 3.2	Pemetaan domain metafora konseptual	62
Rajah 3.3	Pemetaan domain <i>mancing emosi</i>	63
Rajah 3.4	Ringkasan kaedah kajian	68
Rajah 4.1	Pemetaan metafora konseptual <i>akar kayu</i> '	94
Rajah 4.2	Pemetaan metafora konseptual <i>aki</i> '	97
Rajah 4.3	Pemetaan metafora konseptual <i>bisi</i> ' <i>orang</i>	100
Rajah 4.4	Pemetaan metafora konseptual <i>jelu sungkur</i>	102
Rajah 4.5	Pemetaan metafora konseptual <i>utai terebai</i>	105
Rajah 4.6	Pemetaan metafora konseptual <i>abih umur</i>	108
Rajah 4.7	Pemetaan metafora konseptual <i>alah nyawa</i>	111
Rajah 4.8	Pemetaan metafora konseptual <i>mutuih seput</i>	113
Rajah 4.9	Pemetaan metafora konseptual <i>udah nadai</i>	116
Rajah 4.10	Pemetaan metafora konseptual <i>perau</i> '	120

Rajah 4.11	Pemetaan metafora konseptual <i>enda' lantang</i>	123
Rajah 4.12	Pemetaan metafora konseptual <i>igi' putih</i>	125
Rajah 4.13	Pemetaan metafora konseptual <i>matah lengan</i>	128
Rajah 4.14	Pemetaan metafora konseptual <i>pimpin</i>	131
Rajah 4.15	Pemetaan metafora konseptual <i>rumah sekut</i>	134
Rajah 4.16	Pemetaan metafora konseptual <i>beganti</i>	137
Rajah 4.17	Pemetaan metafora konseptual <i>betubuh bisi'</i>	140
Rajah 4.18	Pemetaan metafora konseptual <i>betubuh dua</i>	143
Rajah 4.19	Pemetaan metafora konseptual <i>bungai layu'</i>	145
Rajah 4.20	Pemetaan metafora konseptual <i>rumbau</i>	148

## SENARAI SINGKATAN

BK	Bahasa Korea
BM	Bahasa Melayu
CGS	Centre of Graduate Studies
ICMs	Idealized Cognitive Models
MIS	Masyarakat Iban Sebuyau
NORM	Non-mobile, Old, Rural, Male
NORMF	Non-mobile, Old, Rural, Male, Female
UNIMAS	Universiti Malaysia Sarawak
UUM	Undang-Undang Melaka

# **BAB 1**

## **PENGENALAN**

### **1.1 Pendahuluan**

Bab ini membincangkan latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, justifikasi pemilihan domain, kepentingan kajian, takrifan konsep, dan skop yang menjadi elemen serta panduan penting dalam kajian ini.

### **1.2 Latar Belakang Kajian**

Bahasa halus atau eufemisme merupakan satu bentuk ujaran yang digunakan untuk memperkatakan hal-hal yang sensitif. Eufemisme merupakan ujaran berbentuk kiasan yang menggambarkan sesuatu rujukan dengan cara menimbulkan kesan yang baik, terutamanya apabila item yang dinyatakan itu mengandungi konotasi yang dilihat buruk atau kasar (Abdul Wahab, Abdullah, Mis, & Salehuddin, 2016). Trudgill (1995) dalam Apin dan Wahab (2015) menyatakan bahawa kiasan dalam ujaran dianggap sebagai satu kaedah mengenai perlakuan yang dilarang melalui faktor-faktor yang bersifat supernatural, tidak beradab dan tidak wajar. Kajian Daud, Wahid dan Gedat (2017, 2018) menunjukkan peratusan penggunaan bahasa halus oleh golongan remaja ialah 24.8 % jika dibandingkan dengan golongan yang lebih tua, iaitu 39.5 %. Jadi, kajian Daud, Wahid dan Gedat (2017, 2018) memaparkan bahawa penggunaan bahasa halus dalam kalangan remaja dilihat sangat terhad. Sehubungan dengan itu, kajian ini berfokus untuk mengenal pasti dan menganalisis bahasa halus yang dituturkan oleh masyarakat Iban di Sebuyau, Sarawak serta menunjukkan hubung kait bahasa halus dengan konteks budaya masyarakat Iban Sebuyau.

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Ujaran yang bersifat langsung dalam komunikasi dilihat menjadi kebiasaan seseorang untuk menyampaikan hasrat, emosi atau idea tanpa mengambil kira faktor sensitiviti atau implikasi negatif terhadap pihak yang terlibat dalam interaksi. Suhaimi (2016) menyatakan bahawa ujaran yang berterus terang mungkin boleh ditafsir sebagai sesuatu yang bersifat kasar, menakutkan, menghina, atau menyinggung perasaan seseorang. Bahasa yang kurang sopan, berunsur lucu dan kesat semakin bersifat fenomenal digunakan dalam pertuturan harian (Agus, 2012). Penggunaan bahasa yang baik dan halus sifatnya merupakan kaedah yang wajar digunakan oleh setiap individu bagi mengekalkan kesopanan berbahasa ketika berinteraksi dengan pihak yang dilawan bercakap. Menurut Ahmad, Yahya, Hashim, dan Mahmor (2016), kata-kata yang mempunyai unsur kesopanan merupakan kata yang tidak mengandungi sebarang unsur sindiran, tetapi mempunyai elemen kejujuran serta tidak menyinggung perasaan orang lain ketika bertutur. Ketinggian budi bahasa sesuatu masyarakat termasuklah masyarakat Iban dicerminkan menerusi bahasa yang digunakan ketika bertutur sesama sendiri atau dengan masyarakat lain. Masyarakat Iban Sebuyau turut menggunakan bahasa halus ketika bertutur apabila berada dalam situasi yang bersifat sensitif. Masyarakat ini mempercayai bahawa bahasa halus yang digunakan dalam pertuturan menunjukkan individu tersebut menghormati situasi yang dihadapi oleh orang lain.

Dalam kajian ini, bahasa halus menjadi persoalan yang perlu dirungkai dan dikaji kerana leksikal bahasa halus masyarakat Iban Sebuyau mempunyai struktur dan pemaknaan yang unik. Bahasa halus yang digunakan berpandu kepada pengambilan sifat atau ciri-ciri leksikal lain untuk merujuk kepada makna sebenar yang melibatkan konteks tertentu. Selain itu, bahasa halus masyarakat Iban Sebuyau mengandungi metafora yang perlu ditafsir

maknanya. Penggunaan bahasa halus dalam pertuturan masyarakat Iban Sebuyau didasari oleh domain, antaranya termasuklah domain ketakutan, kepercayaan, kematian, atau kejantinaan. Masyarakat Iban sangat berpegang teguh kepada aturan orang terdahulu. Misalnya, masyarakat Iban mempercayai bahawa setiap ujaran sangat berkait rapat dengan kepercayaan seperti kewujudan semangat alam, semangat kepada sesuatu objek, haiwan, dan kewujudan makhluk ghaib yang dapat memberi kesan kepada untung nasib serta kesejahteraan masyarakat (Liddy & Abd. Wahab, 2021). Sungguhpun demikian, aspek ini didapati amat kurang disentuh dalam kajian lepas, justeru khalayak umum kurang mengetahui tentang bahasa halus masyarakat Iban.

Bahasa halus mempunyai unsur metafora yang berkait dengan pemikiran dan kebijaksanaan penutur. Berdasarkan Lakoff (1987), metafora membolehkan pengguna bahasa memahami secara asas pemaknaan bahasa halus. Oleh itu, penutur cenderung menggunakan istilah dan ungkapan bahasa halus bagi menyebut sesuatu perkara yang tidak sesuai diujarkan secara langsung kerana metafora konseptual terbentuk untuk membezakan sesetengah keadaan menggunakan bahasa yang lebih halus. Metafora konseptual dalam masyarakat Iban Sebuyau juga dilihat sebagai aspek yang wajar dianalisis untuk umum memahami bahasa halus yang bersifat abstrak, yang wujud dalam pemikiran penutur. Entiti metafora konseptual melibatkan domain sumber dan domain sasaran menjadi mekanisme yang dapat menghuraikan pemaknaan bahasa halus. Kewujudan metafora konseptual dalam ujaran masyarakat Iban Sebuyau menimbulkan satu ruang konsepsi berkenaan pembentukan bahasa halus Iban Sebuyau. Pemikiran masyarakat membentuk pengertian terhadap bahasa halus yang menimbulkan metafora konseptual. Contohnya, kajian Sarudin dan Jalaluddin (2017) menjelaskan bahawa metafora konseptual pengalaman mempunyai hubungan dengan kehidupan. Hasil penyelidikan tersebut menunjukkan fenomena aktiviti kehidupan

berpandukan pengalaman yang diperoleh, sekali gus dapat membentuk metafora konseptual PENGALAMAN ITU KEHIDUPAN. Pemikiran penutur dapat divisualisasikan melalui kerangka metafora konseptual yang bersandarkan kepada proses penciptaan makna baharu bagi menggantikan makna perkataan sebenar. Metafora konseptual juga berperanan untuk menghuraikan pemikiran penutur yang subjektif sifatnya, menerusi pemetaan dari domain sumber kepada domain sasaran.

Hubungan bahasa halus dengan budaya masyarakat Iban Sebuyau turut menjadi satu elemen yang perlu difahami dan diketahui, khususnya bagi pengguna bahasa Iban. Hubungan bahasa halus dengan budaya masyarakat Iban Sebuyau juga dapat membentuk pemikiran yang mengawal pertuturan agar bercakap secara tersirat apabila berada di kawasan-kawasan tertentu kerana masyarakat Iban Sebuyau sangat mempercayai kuasa-kuasa ghaib (Informan 8, P61KB). Liddy dan Abd. Wahab (2021) menyatakan penggunaan bahasa yang sopan atau tabu bahasa diamalkan bagi melindungi masyarakat Iban daripada ditimpa malapetaka ataupun bahaya. Dalam konteks ini, budaya masyarakat Iban Sebuyau sangat mempengaruhi cara penutur bercakap dalam sesuatu keadaan atau tempat seperti di hutan, sungai, upacara kematian, berburu, menanam padi, dan sebagainya. Pendapat ini disokong oleh Osup (2015), iaitu menerusi kajiannya mendapati bahawa perkataan *lelak amat* (letih sangat) misalnya tidak boleh diujarkan ketika upacara *miring* (memberi persembahan kepada Tuhan) kerana dikhuatiri boleh menyebabkan musibah kepada penuturnya.

Berdasarkan konteks kajian bahasa halus yang lepas, didapati huraian data bahasa halus terhad kepada pengkategorian dan penterjemahan makna leksikal data bahasa halus secara umum sahaja. Kajian lepas juga kurang memberi penekanan kepada budaya Iban,

khususnya Iban Sebuyau. Misalnya, kajian oleh Radzi dan David (2012) berfokus kepada data-data yang dikumpulkan melalui data-data korpus dalam teks hikayat bahasa Iban yang dibincangkan secara umum, manakala kajian oleh Daud, Wahid dan Gedat (2017, 2018) pula berfokus kepada penggunaan dan pengkategorian eufemisme dalam kelompok masyarakat, berlandaskan pengkategorian eufemisme oleh Allan dan Burrige (1991). Meskipun ada kajian lepas yang memfokus dalam kajian bahasa Iban, tetapi medium, pendekatan dan tumpuan kajian didapati berbeza dengan kajian pengkaji yang meneliti aspek bahasa halus dari sudut metafora konseptual. Kajian ini dapat menjelaskan bahasa halus dengan pendekatan yang berbeza, iaitu menggunakan kerangka semantik kognitif. Dalam kajian ini, pengkaji mengisi kelompangan yang wujud ini untuk menjelaskan konseptualisasi berkaitan bahasa halus yang digunakan oleh masyarakat Iban Sebuyau. Permasalahan yang dinyatakan ini memberi ruang kepada pengkaji untuk mengkaji bahasa halus masyarakat Iban di daerah Sebuyau, Sarawak. Data bahasa halus yang diperoleh melalui temu bual dengan informan masyarakat Iban Sebuyau adalah dalam domain ketakutan, kepercayaan, kematian, dan kejantinaan. Data bahasa halus Iban Sebuyau diuraikan menggunakan metafora konseptual, iaitu satu mekanisme pengkonseptualan dalam ICMs saranan Lakoff dan Johnson (1980) dan pada masa yang sama meneliti hubungan kait antara bahasa halus dengan budaya masyarakat Iban Sebuyau berdasarkan perspektif budaya saranan Keesing (1981).

#### **1.4 Objektif Kajian**

Kajian ini bertujuan meneliti kosa kata bahasa halus yang digunakan dalam komunikasi harian masyarakat Iban Sebuyau, Sarawak. Secara khusus, kajian ini memfokus kepada tiga objektif yang utama, iaitu: